

TARIKH	14 OGOS 2025 (KHAMIS)	SURATKHABAR	BH / UM / NST / TS / HM / KOSMO
TAJUK ARTIKEL	LARAS BAHASA MUDAH JAYAKAN PELAKSANAAN DASAR KERAJAAN		
M/S	9 (NASIONAL)	KATA KUNCI	CIVIL SERVICE
BIDANG	CIVIL SERVICE		

BH Khamis, 14 Ogos 2025
Nasional
9

Laras bahasa mudah jayakan pelaksanaan dasar kerajaan

Komunikasi berkesan tingkat kefahaman rakyat, pastikan program berjalan lancar

Oleh Suraya Ali
suraya.ali@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penggunaan laras bahasa yang memudahkan kefahaman rakyat terhadap dasar kerajaan adalah kunci utama dalam memastikan ia dapat dilaksanakan dengan jaya.

Setiausaha Agung CUEPACS, Abdul Rahman Mohd Nordin, berkata teguran Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, berkaitan penggunaan bahasa yang mudah difahami bagi menyampaikan dasar kerajaan adalah sesuai bagi menjelaskan dasar semasa kerajaan.

Elak guna 'laras bahasa tinggi'

Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, menegaskan, pengamal, dalam menyampaikan dasar kerajaan, hendaklah menggunakan bahasa yang mudah difahami oleh rakyat. Beliau berkata, bahasa yang tinggi, akan memberi kesan negatif kepada rakyat.

Keratan akhbar BH, semalam.

Beliau berkata, pendekatan itu adalah selari matlamat untuk memastikan maklumat dan dasar kerajaan difahami dengan jelas oleh semua lapisan masyarakat, terutama rakyat pada peringkat bawah.

Katanya, komunikasi yang berkesan adalah kunci utama memastikan dasar dan program kerajaan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

"Penggunaan bahasa yang mudah, jelas dan tepat akan membantu mengurangkan kekeliruan serta meningkatkan tahap kefahaman rakyat terhadap dasar-dasar yang dilaksanakan.

"Ini secara tidak langsung akan memperkukuhkan hubungan antara kerajaan dan rakyat, serta meningkatkan kepercayaan terhadap perkhidmatan awam," katanya kepada BH.

Abdul Rahman berkata, CUEPACS juga menyarankan agar latihan dan latihan semula dalam kemahiran komunikasi kepada penjawat awam diberi penekanan.

Kelmarin Shamsul Azri menegur penjawat awam kerana menggunakan laras bahasa tinggi bagi memperjelas sesuatu isu dan dasar kerajaan sehingga gagal difahami golongan sasar.

Beliau memberi contoh penjelasan mengenai Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) tidak dilakukan dengan baik sehingga membentuk jurang komunikasi.

Rujuk Munsyi Muda Bahasa

Sementara itu, Munsyi Muda Bahasa INTAN, Pusat Pengajian Komunikasi dan Bahasa, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN),




Abdul Rahman *Mohamad Ikhwan*

Mohamad Ikhwan Al Syahid Abdullah Tahir, menyeru agar setiap jabatan dan kementerian merujuk kepada Munsyi Muda Bahasa di jabatan masing-masing dalam urusan penyediaan teks ucapan, bahan taklimat dan dokumen komunikasi awam.

Beliau berkata, langkah itu dapat memastikan mesej kerajaan disampaikan dengan teratur, mudah difahami serta memelihara mutu dan martabat bahasa kebangsaan.

"Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui INTAN telah membangunkan program Munsyi Muda Bahasa sebagai perujuk bahasa di jabatan, termasuk dalam hal-hal yang membabitkan laras bahasa.

"Usaha ini adalah antara inisiatif bagi memastikan laras bahasa jabatan atau kementerian selaras dengan latar penerima mesej kerajaan," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini, seramai 802 Munsyi Muda Bahasa dilantik di pelbagai jabatan dan kementerian untuk memberi khidmat nasihat berkaitan penggunaan laras bahasa yang sesuai, khususnya dalam komunikasi dengan rakyat dan pelanggan.

Mohamad Ikhwan berkata, teguran Ketua Setiausaha Negara mengenai penggunaan bahasa beliau itu tepat pada masanya kerana ia langkah penting bagi memastikan mesej kerajaan dapat difahami dengan jelas, tepat dan mudah oleh semua pihak, khususnya masyarakat pada peringkat akar umbi.

DISEDIAKAN OLEH	1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
------------------------	--